

Bukankah wanita suka dipuji? Pujian menyebabkan wanita berasa lebih dihargai, walaupun mereka berpura-pura sebaliknya.

Wanita yang telah menghadapi gangguan seksual tidak rasa dirinya dihargai. Sebaliknya, gangguan seksual sering dilakukan untuk mengawal serta merendahkan martabat dan maruah wanita, dan mangsanya berasa rendah diri dan tidak dihormati.

Wanita yang memakai pakaian seksi ingin "dilayani"

Tiada sesiapa yang ingin dimalukan dan dijatuhkan martabatnya. Masalah ini berpunca dari perlakuan penganggu yang tidak kena pada tempatnya, bukan dengan cara pakaian mangsa.

Wanita yang muda dan menarik sahaja yang mengalami gangguan seksual

Wanita dari semua golongan tidak kira umur, keturunan, saiz atau bentuk badan menghadapi masalah ini. Perbuatan ini berkait rapat dengan manifestasi kuasa dan daya tarikan diri mangsa tidak merupakan faktor utama ianya berlaku.

Adakah wanita sahaja yang menjadi mangsa gangguan seksual?

Kebanyakan kes melibatkan lelaki mengganggu wanita. Secara relatif, hanya sebilangan kecil lelaki sahaja yang menjadi mangsa dan ada juga kes di mana wanita mengganggu wanita lain.

Gurau pun dikira gangguan seksualkah?

Gurauan sahaja jarang dianggap sebagai gangguan seksual tetapi ini terpulang kepada keadaan. Gurau senda dengan unsur seks boleh mengganggu perasaan dan emosi seseorang walaupun tidak dimaksudkan dan boleh dikira sebagai gangguan seksual. Sebagai contoh, gangguan yang dianggap serius mungkin melibatkan sentuhan seksual seperti menyentuh buah dada seseorang wanita.

Dalam kes yang serius, satu kejadian sahaja sudah cukup untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang begitu mengancam dan menakutkan sehingga mengganggu kebolehan seseorang untuk bekerja ataupun belajar. Umpamanya seorang majikan boleh mengugut seseorang pekerja bawah syarat-syarat pekerjaannya samada penentuan gaji atau kenaikan pangkat mungkin terancam jika dia tidak melayani keinginan seksual majikan tersebut.

Bagaimana kaum lelaki boleh bantu menghentikan gangguan seksual?

Sebenarnya kaum lelaki yang boleh memainkan peranan yang paling besar dalam pembasmian masalah gangguan seksual. Sekiranya kawan-kawan atau rakan sekerja anda mengganggu atau mengusik wanita, biasanya mereka cuma ingin menonjolkan "kelakian" mereka. Jika anda mendiamkan diri, ini bermaksud anda tidak mengeji kelakuan mereka. Suruh mereka menghentikan kelakuan tersebut dan mengamalkan sikap menghormati orang lain.

Bagaimana saya boleh membantu menghentikan gangguan seksual?

Bincang tentang masalah ini dengan rakan atau sahabat anda. Ramai orang tidak menganggap gangguan seksual sebagai masalah yang penting, dan oleh itu adalah penting untuk meningkatkan kesedaran mengenai masalah ini. Buat masa ini Malaysia tiada peruntukan undang-undang menangani masalah gangguan seksual. Itulah sebabnya undang-undang harus digubal untuk mengatasi masalah ini. Sokonglah Rang Undang-Undang kami dan edarkan risalah ini kepada kenalan anda.

Bagaimana saya boleh membantu mangsa gangguan seksual?

Beri sokongan kepada rakan anda yang sedang diganggu. Minta dia merekodkan butir-butir perihal kejadian itu, seperti bila, di mana dan bagaimana ia berlaku. Pastikan samada dia mengetahui polisi majikan untuk mengendalikan gangguan seksual. Sekiranya tiada polisi tersebut, majikan boleh diminta untuk merangka dasar khas bagi mengendalikan isu sebegitu.

Berikan risalah ini kepada rakan anda dan temani beliau ke organisasi wanita yang berdekatan.

SOKONGLAH RANG UNDANG-UNDANG GANGGUAN SEKSUAL

YANG DICADANGKAN OLEH JAG

Untuk maklumat yang lebih terperinci mengenai gangguan seksual ataupun Rang Undang-undang Gangguan Seksual Cadangan, sila hubungi WCC di talian 04-2280342 dan minta Ringkasan Eksekutif Rang Undang-undang Gangguan Seksual ataupun kunjungi laman web kami di www.wccpenang.org

Kumpulan Tindakan Bersesama menentang Keganasan Terhadap Wanita (Joint Action Group Against Violence Against Women – JAG) terdiri dari:

- Pusat Kesedaran Wanita (WCC) Pulau Pinang
 - Pengurus
- Women's Development Collective
- All Women's Action Society

- Women's Aid Organisation
- Sisters In Islam
- Malaysian Trades Union Congress, Bahagian Wanita
- Persatuan Sahabat Wanita Selangor
- Women's Candidacy Initiative

Se semua orang berhak kepada tempat kerja yang selamat dan bebas dari sebarang gangguan.
GUBALKAN SEKARANG!

Risalah ini ditajakan oleh British Government Human Rights Project Fund.

Perkhidmatan WCC
adalah percuma
dan kerahsiaan
perhubungan di utamakan!



PUSAT KESEDARAN WANITA (WCC)
(dahulunya Pusat Krisis Wanita)

24-D Jalan Jones
10250 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-228 0342
Fax: 04-228 5784
E-mel: wcc@wccpenang.org
Laman Web: www.wccpenang.org



PUSAT KESEDARAN WANITA
WOMEN'S CENTRE FOR CHANGE

Pusat Krisis Wanita (PKW) sedang menyediakan satu siri risalah untuk melengkapi anda tentang hak-hak anda.

Risalah ini adalah berkenaan dengan
Gangguan Seksual

GANGGUAN SEKSUAL

Perlu diambil berat!

Anda telah mengalami gangguan seksual sekiranya anda berhadapan dengan sebarang ungkapan atau perbuatan berunsur seksual yang tidak dikehendaki samada perkara yang didengar, dirasai, dilihat atau yang berunsur psikologi. Gangguan seksual di tempat kerja menyukarkan dan menekan hidup mangsa. Ia menyebabkan mangsa berasa malu, gelisah dan terhina. Gangguan seksual bukannya perkara baru atau luarbiasa. Menurut kajian, seramai 70% daripada pekerja pernah mengalami gangguan seksual dan kebanyakannya adalah golongan wanita. Ia bukan perkara kecil kerana ia merendahkan harga diri serta maruah anda.

PUSAT KESEDARAN WANITA (WCC)
(dahulunya Pusat Krisis Wanita)

24-D Jalan Jones, 10250 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-228 0342 • Fax: 04-228 5784
E-mel: wcc@wccpenang.org • Laman Web: www.wccpenang.org

JIKA ANDA MENGALAMI GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA ...

Anda mahu ia berhenti serta merta dan pengganggu menerima hukuman yang setimpal. Anda juga mahu majikan bertanggungjawab atas kejadian tersebut.

Anda perlu merekodkan kesemua butir-butir kejadian termasuk bila, di mana dan bagaimana kejadian tersebut berlaku.

Laporkan peristiwa tersebut kepada majikan atau pihak pengurusan. Jika majikan tidak mengambil sebarang tindakan atau beliau sendiri yang mengganggu, minta bantuan dari pihak yang lain. Anda boleh:

- Buat aduan kepada Jabatan Buruh
- Buat laporan Polis
- Ambil tindakan mahkamah terhadap pengganggu/majikan

Sebenarnya Jabatan Buruh tidak dapat memaksa majikan mengambil sebarang tindakan. Polis boleh mendakwa pengganggu tetapi kes gangguan seksual amat sukar dibuktikan. Tindakan guaman secara persendirian terhadap pengganggu berkemungkinan besar akan melibatkan kos tinggi dan memakan masa yang panjang.

BUKANKAH GANGGUAN SEKSUAL SUATU JENAYAH?

Pada masa ini gangguan seksual tidak ditakrifkan sebagai jenayah yang spesifik. Sekiranya pendakwaan dibuat ia dikategorikan sebagai jenayah "mencabul kehormatan". Oleh kerana masyarakat memandang remeh masalah ini, bilangan wanita yang melaporkan kejadian seperti ini amat kecil dan hanya segelintir dari pengganggu sahaja yang didakwa.

KOD GANGGUAN SEXUAL

Disebabkan masalah gangguan seksual yang meluas, Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan "Kod Amalan untuk Mencegah dan Menghalau Gangguan Seksual di Tempat Kerja" pada tahun 1999.

Kod ini sememangnya terhad kerana ianya bukan undang-undang dan majikan mengamalkannya secara sukarela. Kod tersebut cuma memberi garispanduan untuk proses semakan dalaman ("internal inquiry"). Malah, setakat pada bulan Mac 2001, cuma 1.12% syarikat di Malaysia yang mempraktikkan Kod ini.

RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN GANGGUAN SEKSUAL

Oleh kerana adalah sulit untuk kebanyakan mangsa gangguan seksual mendapat bantuan menghentikan penderaan sebegini maka Kumpulan Tindakan Bersama Membantah Keganasan Terhadap Wanita (JAG) telah pada 30hb Mac 2001 menyerahkan Rang Undang-undang Cadangan Gangguan Seksual kepada Kementerian Sumber Manusia untuk tindakan selanjutnya.

Rang Undang-undang Cadangan ini berbentuk pencegahan serta mengesyorkan mekanisma-mekanismanya tertentu untuk menangani masalah gangguan seksual. Bila Rang Undang-undang Cadangan ini diperbuat sebagai Akta kelak, ia akan memudahkan jalan bagi mangsa gangguan seksual mendapat bantuan untuk menghentikan gangguan yang dihadapinya.

Menurut Rang Undang-undang Cadangan ini:

- Majikan bertanggungjawab memastikan tempat kerja yang selamat dan bebas dari gangguan seksual
- Majikan dikehendaki menjalankan siasatan atas aduan yang diterimanya
- Majikan akan bertanggungjawab jika tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menghentikan gangguan seksual di tempat kerja
- Suatu perbadanan yang bebas akan ditubuhkan untuk menerima dan menyiasat aduan
- Tindakan yang lebih cepat dan mudah akan diambil untuk menyelesaikan gangguan yang diadukan

BAGAIMANA RANG UNDANG-UNDANG CADANGANINI BERFUNGSI?

SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT ADUAN?

Sesiapa yang mengalami gangguan seksual atau menyaksikan peristiwa tersebut boleh membuat aduan kepada badan yang dilantik, tidak kira samada tempat kerja mereka mempunyai dasar yang tersendiri untuk menangani masalah sebegini. Aduan hendaklah dibuat dalam jangkamasa dua tahun selepas kejadian yang terakhir.

SIAPA YANG DILINDungi OLEH RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN INI?

Rang Undang-undang ini memberi maksud yang lebih luas kepada "tempat kerja" dan "pekerja". Rang Undang-undang ini akan melindungi pekerja kontrak, pembantu rumah (orang gaji), penuntut, ahli kelab, atlet, pelanggan dan ahli perbadanan perindustrian.

APA YANG BERLAKU KEPADA ADUAN?

Kesemua aduan akan disiasat oleh badan bebas yang dilantik. Jika anda bersetuju, pertemuan akan diadakan antara anda, pengganggu dan wakil badan tersebut untuk mencapai penyelesaian masalah tersebut. Sebarang persetujuan yang dicapai boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah. Sekiranya anda tidak ingin bermesyuarat ataupun masalah memang tidak dapat diselesaikan, aduan akan didengar oleh sebuah Tribunal.

APA YANG AKAN BERLAKU JIKA PENGGANGGU DIDAPATI BERSALAH?

Pengganggu boleh dikenakan hukuman disiplin, digantung kerja ataupun dipecat, dan dia harus meminta maaf kepada mangsa. Di samping itu, pengganggu juga mungkin perlu membayar gantirugi kepada mangsa. Pihak majikan pula harus menerima pengaduan untuk bekerja kembali ataupun untuk menaikkan pangkatnya. Arahan-arahan ini boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah.

TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL UNTUK MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN

- Bincangkan perkara ini dengan kawan dan rakan sekerja
- Minta pihak majikan mengamalkan dasar ter-tentu bagi menangani masalah gangguan seksual
- Tulis surat sokongan kepada suratkhabar
- Hantarkan e-mel "Sokong Bil Gangguan Seksual" kepada: (i) Menteri di Kementerian Wanita dan Pembangunan Negara di shahrizat@kpwk.gov.my (ii) Menteri di Kementerian Sumber Manusia di ksm@

Soalan Yang Sering Ditanyai Mengenai Gangguan Seksual

Apakah maksud gangguan seksual?

Gangguan seksual adalah sebarang kelakuan berunsur seks yang sengaja dan tidak dikehendaki, diundang atau diminta. Ia meliputi sentuhan, cubit-cubit, komen mengenai rupabadan seseorang, persulan, pujuk rayu yang berterusan untuk keluar bersama atau untuk hubungan intim, ataupun pemaparan gambar lucu. Gangguan seksual juga boleh berbentuk ugutan, misalnya pernyataan yang mengenakan syarat berbentuk seksual atas keadaan di tempat kerja, samada penentuan gaji, kenaikan pangkat dsb. **Gangguan Seksual adalah penyalahgunaan kuasa.**

Bukankah ia mengurat sahaja?

Gangguan seksual tidak sama dengan mengurat. Ia tidak diundang dan adalah kelakuan yang tidak menghormati mangsanya. Jika anda ingin memikat hati seseorang, anda akan menghormati dan peka kepada perasaannya. Mengurat memang seronok untuk kedua pihak, tetapi gangguan seksual menyakiti dan memberi kesan buruk kepada mangsa.

Ia tidak menyakiti sesiapa, bukan?

Gangguan seksual bukan permainan. Ia mengganggu kesihatan emosi dan fizikal seseorang. Wanita yang menghadapinya melaporkan bahawa ia menyebabkan mereka mengalami tekanan jiwa, sakit kepala, gangguan tidur dan kerisauan. Ini menurunkan produktiviti kerja, merendahkan semangat dan keyakinan di tempat kerja dan memberi kesan negatif kepada sesiapa yang menyaksikan atau mendengar mengenainya.

Tidakkah anda boleh mengamalkan sikap tidak peduli?

Kebanyakan wanita berpendapat bahawa gangguan seksual tidak dapat dielakkan. Ramai yang cuba menanganinya dengan mengamalkan sikap tidak peduli dan berharap ia tidak akan berulang. Hanya segelintir yang melaporkan gangguan seksual kerana takut tidak dipercayai dan takut akan menimbulkan masalah di tempat kerja. Akan tetapi gangguan seksual tidak berhenti jika anda tidak mengambil tindakan. Dengan mendiamkan diri, mangsa hanya akan meningkatkan perasaan gelisah dan tekanan.

Bagaimana anda tahu yang perlakuan seksual itu "tidak diundang"?

Jika anda berasa bahawa seseorang itu tidak selesa atau malu dengan perbuatan anda, dia tidak menggalakkan tingkah laku anda, cuba menjauhkan dirinya ataupun memperlihatkan emosi terganggu, ini adalah petanda bahawa perlakuan anda tidak diundang. Dia tidak payah menyatakan dengan jelas bahawa perlakuan anda tidak disukainya.